

01/01/2003

Pasukan negara perlu bangkit

Peminat Kecewa

PADA minggu lalu, harapan rakyat Malaysia begitu menggunung tinggi untuk melihat kejayaan pasukan bola sepak negara dalam Piala Tiger 2002. Kejayaan ketika menewaskan Thailand dan Singapura pada perlawanan awal cukup membanggakan.

Banyak pujian diterima oleh pasukan negara kerana mengharumkan nama negara. Tetapi, rakyat Malaysia dikecewakan dengan kekalahan di tangan Indonesia pada perlawanan separuh akhir. Namun, peminat dapat menerima kekalahan itu selepas pasukan negara menunjukkan persembahan cemerlang.

Namun, melihat kepada perlawanan merebut tempat ketiga dan keempat kelmarin, ternyata persembahan pasukan negara begitu mengecewakan sekali.

Kekalahan 1-2 kepada Vietnam cukup memalukan ketika pasukan negara cuba bangkit daripada kecaman peminat bola sepak negara, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2003 lalu.

Apakah ini penyudah malang pasukan negara bagi menutup tirai 2002?

Apakah janji pasukan negara untuk peminat bola sepak negara?

Kita harapkan pasukan negara bangkit, menunjuk dan membangkitkan sesuatu yang membanggakan pada tahun depan.

PEMINAT KECEWA,
Batu Pahat, Johor.